

**“... Demi cintaku padamu.. ku korbankan jiwa dan raga...
biar pun harus ku telan lautan bara...
Demi cintaku padamu.. ke mana pun kau kan kubawa..
Ke hujung dunia ke bintang kejora...”**

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya

Jika kita masih ingat, sekitar tahun 1980-an lagu yang didendangkan oleh kumpulan Search sering menjadi siulan anak muda ketika itu. Jika diteliti liriknya, kita dapat melihat betapa agungnya cinta sehingga menyebabkan seseorang sanggup melakukan apa sahaja untuk membuktikan cinta kepada orang yang dicintainya sehingga menelan bara api pun mereka sanggup. Walaupun pada hakikatnya lirik lagu tersebut tidak menggambarkan perihal sebenar, tetapi kita dapat memahami bahawa pengorbanan yang dilakukan oleh orang yang bercinta itu kadangkala sukar untuk kita ramalkan. Pantun Melayu ada menyebut :

**“Nasi lemak buah bidara
Sayang selasih hamba lurutkan
Tinggl emak tinggal saudara
Kerana kasih hamba turutkan”.**

Persaan cinta yang mendalam kepada seseorang kadangkala boleh menyebabkan timbul perasaan lain seperti cemburu, marah, dengki, dan sebagainya. Tidak hairanlah jika kita seringkali mendengar peristiwa-peristiwa ngeri yang berlaku pada hari ini, pokok pangkalnya bermula dari perasaan cinta. Jika cinta tidak dibalas, akan timbul rasa malu, marah, dendam dan akhirnya berlaku perkara yang tidak kita ingini seperti kes-kes pembunuhan, rogol, disibah asid dan sebagainya.

Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan cinta? Ada apa dengan cinta?

Cinta adalah pertalian kasih sayang merangkumi aspek spiritual, emosi, fizikal, intelektual dan sosial antara individu yang terlibat. Mereka saling menghargai nilai-nilai peribadi yang dimiliki dan memuliakan perhubungan yang wujud antara satu sama lain. Cinta juga bererti kemahuan, keasyikan, tarikan, kerinduan dan keresahan yang wujud hasil daripada keterikatan perasaan kepada seseorang atau sesuatu. Cinta adalah penggerak yang menjadikan kita sebagai orang yang terbaik dalam banyak perkara dalam kehidupan. Walau bagaimanapun cinta juga kadangkala boleh merosakkan diri dan menjadikan seseorang sebagai manusia yang sebaliknya.

Menurut ahli falsafah terkemuka Profesor Hamka, "cinta itu adalah perasaan yang mesti ada pada tiap-tiap diri manusia, ia laksana setitis embun yang turun dari langit, bersih dan suci. Jika ia jatuh pada tanah yang subur, di sana akan tumbuh kesucian hati, keikhlasan, setia, budi pekerti yang tinggi dan lain-lain perangai terpuji".

Teori Cinta Barat

Terdapat beberapa pandangan mengenai cinta oleh sarjana dari barat berdasarkan kajian-kajian yang mereka lakukan.

Cinta adalah permainan yang mempamerkan perbezaan antara seseorang dan orang lain - George Bernard Shaw

Cinta adalah kemahuan seksual yang terpendam - Sigmund Freud

Cinta adalah perjuangan untuk menyempurnakan diri untuk memenuhi dan mencapai ego-ideal seseorang - Theodore Reik

Apakah cinta? Kemahuan untuk melepaskan diri daripada rasa bersalah - Charles Pierre

Sekiranya kamu tidak mampu menyembunyikan sesuatu daripada seorang wanita, itu tandanya kamu menyintainya - Paul Geraldly

Cinta adalah kuasa yang aktif yang dapat memecahkan tembok yang memisahkan manusia daripada teman-temannya yang dapat menyatukan dengan yang lain - Erich Fromm

Menurut Robert J. Sternberg cinta sebagai perhubungan dalam Teori Tiga Segi Cinta atau Theory of Triangular of Love melibatkan tiga komponen iaitu:



Keintiman (intimacy)

Merujuk kepada keakraban, pertalian dan kesatuan perasaan dalam hubungan percintaan. Ia adalah perasaan yang mewujudkan kehangatan dalam percintaan. Dalam komponen ini tingkahlaku yang ditunjukkan oleh orang yang bercinta menjurus kepada kesungguhan untuk merapatkan diri dengan pasangan. Apa sahaja yang dilalui akan dikongsi bersama dan pasangan adalah segala-galanya dalam hidup mereka. Begitulah hangatnya percintaan sehinggakan kita mendengarkan ungkapan-ungkapan yang berbunyi "kentut pun terbau wanginya"

Nafsu (passion)

Komponen ini melibatkan dorongan ke arah hubungan romantik, tarikan fizikal dan kemahuan seksual antara pasangan kekasih. Ia juga turut melibatkan estim diri, menguasai diri kekasih atau taat kepada kemahuan pasangan.

Komitmen (commitment)

Komponen komitmen melibatkan kelangsungan cinta dalam jangka masa yang panjang. Kesungguhan untuk mengekalkan cinta berkait rapat dengan usaha kedua-dua belah pihak untuk memberikan komitmen dalam perhubungan tersebut.

Cinta Menurut Pandangan Islam

Antara definisi cinta yang disebutkan dalam Al-Quran ialah kemahuan untuk berpasangan dan menikmati keindahan dan kelazatan hidup. Cinta antara lelaki dan perempuan, ibu bapa dan anak, guru dan murid, majikan dan pekerja, nabi dan umat semuanya adalah cinta berpasangan yang mempunyai pakej khusus dengan bentuk cinta yang berlainan.

Cinta antara lelaki dan perempuan sebagai pasangan kekasih dilihat sebagai cinta romantik atau cinta berahi (syahwat). Manakala cinta antara ibu bapa dan anak-anak adalah cinta yang tidak bersyarat yang seharusnya ada sejak kewujudan anak tersebut dalam kandungan ibunya. Begitu juga halnya dengan cinta antara guru dengan murid atau pensyarah dengan pelajarannya yang mana cinta tersebut akan membawa kepada keberkatan ilmu dan kemanfaatan yang berpanjangan. Dalam surah az-Zariyat ayat 49, Allah menyebut: "Dan segala sesuatu kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingati kebesaran Allah"

Secara keseluruhannya cinta yang unggul didefinisikan sebagai cinta yang tulen kepada pencipta segala cinta, iaitu Allah. Cinta yang

CINTA

tulen ini lahir daripada orang yang beriman yang mencintai Allah dengan sepenuh hati dan perasaan, bersikap lemah lembut dan saling kasih-mengasahi sesama manusia.

Imam Ghazali di dalam bukunya *Kimia as-Sa'adah (Rahsia Kebahagiaan)* mendefinisikan cinta sebagai suatu kecenderungan yang membawa kepada perasaan yang menyenangkan. Ia adalah tarikan pemikiran, kesudian dan kecenderungan kepada sesuatu yang disukai.

Ibnu Qayyim al-Jauziyyah pula menganggap cinta sebagai sesuatu yang suci, tenang, utuh dan mengasyikkan. Beliau juga mendefinisikan cinta sebagai gejala perasaan yang muncul apabila orang yang bercinta merasa amat rindu dan terkenang-kenangan yang dicintainya. Beliau juga turut menganggap cinta sebagai hawa, iaitu kecenderungan berserta nafsu terhadap seseorang yang dicintainya.

Cinta tidak pernah dinafikan dalam agama, mahupun dalam undang-undang. Kehadirannya diiktiraf oleh seluruh manusia dan Tuhan. Cuma yang menjadi perhitungan adalah pengamal cinta tersebut, adakah berlandaskan hukum Tuhan, atau semata-mata menurut nafsu sahaja. Betulnya cinta terletak kepada cara dan pelaksanaannya.

Ragam Cinta

Dalam melayari dunia percintaan, pelbagai rintangan dan cabaran yang harus dilalui. Ia menuntut individu agar sentiasa bersabar dan berfikir positif dalam menangani segala permasalahan yang timbul. Bukan sahaja percintaan antara pasangan kekasih, malah percintaan antara ibu bapa dan anak-anak, majikan dengan pekerja, guru dan murid, pensyarah dengan pelajar juga tidak dapat lari dari mengalami pasang surut dalam perhubungan.

i. Perasaan Rindu

Kerinduan adalah intipati kepada sebuah percintaan. Rindu timbul apabila berjauhan dengan orang yang dicintai, atau apabila orang yang dicintai tiada di hadapan mata. Rindu ertinya mendambakan atau menginginkan kehadiran kekasih di sisi supaya segala perasaan indah bersamanya dapat diulangi dan dapat dinikmati sekali lagi. Kadangkala kerinduan yang ditanggung akan menyebabkan seseorang hilang konsentrasi dalam menjalankan tugas, sentiasa termenung dan ada yang menangis. Dalam psikologi percintaan menurut Islam, kerinduan tersebut tidak perlu dilayan sehingga tahap ingatan seseorang terhadap kekasihnya melebihi ingatannya kepada Allah. Bagi orang

yang beriman doa kepada Allah menjadi penawar dalam menghadapi perasaan rindu tersebut.

ii. Cemburu

Perasaan cemburu menggambarkan seseorang begitu menyayangi pasangannya. Walau bagaimanapun, cemburu yang keterlaluan akan menyebabkan pasangan merasa bosan dan rasa seolah-olah dikongkong. Hal ini boleh menyebabkan keretakan dalam perhubungan sesebuah percintaan. Malahan dalam konteks rumah tangga juga perasaan cemburu boleh menjadi punca keruntuhan institusi sesebuah keluarga. Walau bagaimanapun, perasaan cemburu yang berpatutan akan mengeratkan lagi hubungan kasih sayang di antara pasangan yang bercinta dan meningkatkan persefahaman.

iii. Gelisah

Pasangan kekasih yang belum berkahwin akan sentiasa diburu rasa rindu, serba salah risau dan bimbang berlaku perkara yang bertentangan dengan hukum dan batas-batas agama. Rasa sayang terhadap pasangan kadangkala menyebabkan mereka menjadi lalai dan lupa kepada hukum-hukum yang ditetapkan terhadap lelaki dan wanita yang bukan mahram. Oleh itu, kegelisahan timbul apabila mereka melakukan kesilapan sama ada secara sengaja mahupun tidak sengaja dan tidak menjaga adab dan pergaulan semasa bercinta.

iv. Memberi dan menerima

sudah menjadi resmi cinta hanya wujud sekiranya berada dalam keadaan berpasangan, maksudnya cinta memerlukan perkongsian dengan pihak yang dicintai. Oleh itu dalam percintaan perlu dipupuk nilai untuk saling berkongsi kasih sayang dan kebahagiaan sesama sendiri. Cinta tidak akan terbina di atas dasar 'hanya bertepuk sebelah tangan'. Cinta memerlukan persefahaman di antara pasangan, saling kasih-mengasahi, sanggup berkorban demi kepentingan bersama dan saling memberi dan menerima.

v. Tidak Sabar

Orang yang bercinta perlu banyak bersabar kerana hubungan percintaan menuntut pengorbanan, ketabahan, dan keimanan. Orang yang bercinta seringkali dilanda perasaan resah kerana rindu dan ingin bertemu dengan kekasihnya. Adakalanya mereka akan diburu ketakutan dan bimbang cinta tidak kesampaian atau kekasih berubah hati. Sekiranya orang yang bercinta tidak dapat mengawal kesabarannya pelbagai implikasi buruk akan berlaku dalam hubungan percintaan.

vi. Benci

Benci adalah sifat semula jadi manusia. Ia adalah berlawanan kepada rasa cinta atau suka. Kebencian bukanlah nilai positif dalam percintaan. Kebencian boleh wujud apabila terlalu banyak halangan atau perkara-perkara buruk sepanjang percintaan misalnya hasrat hati yang tidak kesampaian, rasa bosan dan terdetiknya rasa muak terhadap orang yang pada mulanya amat disayangi atau dicintai.

Kesimpulan

Cinta adalah anugerah Tuhan yang perlu dijaga dan dibagai dengan nilai-nilai kasih sayang, penghormatan, kesetiaan, persefahaman dan pengorbanan. Cinta memotivasikan akal, roh, perasaan dan nafsu manusia untuk terus berusaha ke arah kesempurnaan hakiki. Cinta adalah pelengkap kehidupan dan melambangkan keindahan Tuhan dan setiap ciptaan-Nya. " Sesungguhnya Allah itu indah dan cinta kepada keindahan"

Cinta benar-benar indah bagi mereka yang tahu menghargai cinta. Namun cinta juga boleh menyebabkan kebinasaan sekiranya kita tidak tahu menjaganya. Oleh itu, bagi anda yang sedang hangat bercinta, cintailah diri anda sepenuhnya dan cintailah pencipta anda yang maha kuasa. Semoga dengan rasa cinta yang tulus dan ikhlas akan direstui dan mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Cinta itu kuasa yang luar biasa kerana mampu membuat seseorang melakukan sesuatu yang tidak terfikir oleh akal. Qois mati mendakap nisan Laila, Sappo dalam dongengan Yunani sanggup terjun dari puncak karang yang tinggi kerana berat menanggung rindu dan cinta, Rama sanggup berkorban apa saja demi Sita, Shah Jehan membina Taj Mahal sebagai bukti cinta kepada isterinya, kisah cinta Laila dan Majnun serta Romeo dan Juliet membuktikannya - Anonymous -

Nota: Wan Saniah Wan Yahya adalah Penulis Tamu MyUniMAP